

MENILAI SEMULA KONSEP “SERUMPUN” DALAM HUBUNGAN MALAYSIA- INDONESIA ^{©Σ}

RUHANAS HARUN*

ABSTRAK

Hubungan Malaysia-Indonesia masakini dipengaruhi oleh pelbagai dinamika baharu yang kadangkala melahirkan suasana kurang harmonis antara keduanya. Perubahan politik, ekonomi dan keselamatan domestik serta serantau telah memberikan cabaran besar dalam menguruskan hubungan dua hala berdasarkan pada kerangka konsep “serumpun” yang pernah dibangunkan sebelum ini. Kini konsep keserumpunan kurang difahami sehingga banyak menimbulkan keraguan mengenai kerelevanannya dalam mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia Indonesia, sedangkan ia membantu membina hubungan istimewa antara dua negara tersebut. Maka timbul persoalan, apakah konsep tersebut masih relevan dan boleh diteruskan bagi mengukuhkan hubungan istimewa Malaysia-Indonesia? Atau sebaliknya, ia tidak lagi relevan dalam persekitaran geopolitik dan geostrategik serantau yang berubah dan mencabar? Artikel ini membincangkan mengenai cabaran membina semula hubungan Malaysia-Indonesia berlandaskan konsep keserumpunan serta keperluan mencari pendekatan baharu dalam mengeratkan hubungan antara keduanya.

Kata kunci: hubungan Malaysia-Indonesia, isu dan cabaran keserumpunan, pendekatan diplomatik diperbaharui.

© Penulis. 2023. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [*creative common* (CC)]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan SINERGI)

Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 14 Ogos 2022; Tarikh penerimaan: 20 September 2022; Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2023.

* **Penulis Penghubung:** Ruhanas Harun ialah Profesor, Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang, Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Sungai Besi, 57000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

REASSESSING "SERUMPUN" CONCEPT IN MALAYSIA-INDONESIA RELATIONS

RUHANAS HARUN

ABSTRACT

New dynamics have emerged to influence contemporary Malaysia-Indonesia relations, which at times created less harmonious relations between them. Both domestic and external regional developments are challenges affecting their relationship that had been built on the concept of "serumpun" or kinship. Today, this concept and its relevance in their bilateral relations are less understood. This article discusses the relevancy and challenges of kinship as the basis of Malaysia-Indonesia relations.

Keywords: *Malaysia-Indonesia relations, "serumpun" (kinship), issues and challenges, renewed diplomatic approaches.*

Pengenalan

Hubungan antara Malaysia dan Indonesia sering digambarkan dalam konteks hubungan kekeluargaan (Ab Ghani et al, 2010 dan Chan 2018). Ada yang melihatnya sebagai hubungan “abang-adik yang dicirikan oleh kerjasama dan konflik” (Ruhanas Harun 2006, 49, 2010; Idris 8 Mei, 2023). Ia sekaligus menunjukkan keakraban dan pada masa yang sama terdapat unsur-unsur persaingan, konflik dan perbezaan kepentingan (Hermono Jun 21, 2023). Makalah ini menganalisis hubungan Malaysia-Indonesia dengan menyingkap ciri-ciri kerjasama, persaudaraan dan juga konflik. Penulis berpendapat wujud keperluan keserumpunan sebagai sebuah konsep masih lagi relevan untuk diperjelaskan dan demi menjernihkan keadaan hubungan diplomatik yang keruh dan memanfaatkan persamaan yang sedia terjalin sejak sekian lama. Dalam konteks ini, idea ‘keserumpunan’ perlu diperjelaskan demi melihat kerelevanannya dan memahami persepsi masyarakat kedua negara mengenai konsep ini (Chan 2018; Ali 2016; Othman et al. 2013; Wahida dan Himawan 2022). Hubungan Malaysia dan Indonesia juga disebut sebagai *One kin, Two nations* yang menggambarkan bahawa kedua negara tersebut adalah asalnya dari satu keluarga, tetapi kemudiannya muncul sebagai dua negara-bangsa yang merdeka dan berasingan (rujuk juga Liow 2005). Namun pemahaman mengenai konsep ‘serumpun’ kian berubah dan kini ditanggapi oleh masyarakat kedua negara dengan cara yang berbeza, tidak sama seperti apa yang difahami sebelum ini (Nasadurai 2014; Md Khalid dan Shakila Yacob 2012; Sebastian 2006). Idea serumpun secara umumnya lebih menebal dan diterima sebagai satu konsep di kalangan masyarakat Malaysia, terutama di kalangan intelektual Melayu (rujuk juga Wahida dan Himawan 2022; Taylor 2003; Ruhanas 2006; Siddique dan Suryadinata 1981). Namun, ini tidak berlaku di Indonesia, malah pada masa ini, ada yang menyatakan bahawa konsep serumpun tidak lagi relevan dalam hubungan Malaysia-Indonesia (Sukma 1995; Muniandy 1996; Johan 2023). Apa pun, yang penting ialah mengakui bahawa dalam sejarah hubungan Malaysia-Indonesia, unsur serumpun ini tetap ada walaupun timbul persepsi yang berbeza mengenainya (lihat juga Heryanto 2018; Ruhanas Harun 2010; Ching 2012).

Pada masa lalu, hubungan berdasarkan idea ‘serumpun’ pernah diajukan dan diterima oleh elit pemerintah dan masyarakat Indonesia sebagai salah satu landasan dalam membina hubungan dua hala Malaysia-Indonesia (Andaya dan Andaya 2018; Balakrishnan 2009; Seng Ogos 20, 2015). Di Malaysia, idea ini boleh dikatakan tidak pernah luntur, malah sering disebut sebagai pemangkin hubungan dua hala. Mendokong atau menentang hasrat membina hubungan dalam konteks keserumpunan mempunyai cabaran-cabaran yang perlu ditangani dengan baik agar ia tidak menjejaskan landasan yang sedia terbina demi mengekalkan hubungan erat dan mesra yang lahir dari persamaan tersebut, tetapi pada masa yang sama dapat mengimbangi keperluan dan tuntutan kepentingan nasional masing-masing yang tidak selalunya harmonis (Idris Mei 8, 2023). Keengganan mengiktiraf keadaan ini boleh melemahkan hubungan dua hala yang dianggap kukuh disebalik kerengsaan atau kejengkelan yang kerap timbul, dan mungkin akan secara beransur-ansur menyebabkan hilangnya ‘hubungan istimewa’ antara dua jiran yang bersaudara.

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah mengatakan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia perlulah berdasarkan kepada konteks hubungan antarabangsa yang ‘normal’ (Ali 2016; Acharya 2024). Walaupun beliau tidak menyatakan secara khusus maksud normal ini, ia boleh disimpulkan sebagai hubungan

mengikuti landasan biasa dalam hubungan antarabangsa termasuklah saling menghormati kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan wilayah masing-masing. Pada masa yang sama ia juga merujuk kepada menjaga kepentingan nasional masing-masing tanpa dipengaruhi dan dikompromi oleh unsur-unsur emosi dan sikap yang biasa wujud dalam hubungan kekeluargaan (Chen 2012). Dalam hubungan Malaysia-Indonesia, ciri ini telah ada dan digunakan dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu atas semangat persaudaraan dan kejranaan yang rapat. Apapun, kedua bentuk hubungan berdasarkan keserumpunan ini ada kelebihan dan kebaikannya, begitu juga dengan kekurangan dan keburukannya yang boleh membantu atau menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia pada masa ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa kedua negara mempunyai hubungan yang akrab di peringkat awal, yang sebahagian besarnya timbul dari kesedaran dan kemesraan yang lahir dari persamaan dalam konteks 'keserumpunan'. Ini dapat dilihat dalam hubungan rapat pemimpin-pemimpin kedua negara semasa perjuangan menuntut kemerdekaan. Pemimpin-pemimpin ini termasuklah Des Alwi, Tun Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman, Agus Salim dan Sutan Sjahrir yang saling mengenali satu sama lain ketika belajar di London atau bertemu New York sejak tahun 1940-an lagi. Menurut Des Alwi, Tun Abdul Razak menyatakan kepada Sutan Sjahrir bahawa mahasiswa Melayu di England berdiri di belakang perjuangan kemerdekaan Indonesia". (Des Alwi 2009, xiii). Selepas kemerdekaan, pemimpin-pemimpin Malaysia, terutama Tun Abdul Razak sering berkunjung ke Indonesia dalam misi muhibbah dan berkenalan dengan tokoh-tokoh Indonesia. Dalam lawatan inilah Tun Razak bertemu dengan Soeharto yang pada masa itu adalah kolonel dalam angkatan tentera Indonesia. Sejak itu hubungan Soeharto-Razak menjadi akrab, dan "dengan kehendak Tuhan, yang satu menjadi Presiden RI manakala yang satu lagi menjadi Perdana Menteri Malaysia (Des Alwi 2009, xiii). Di sini dapat dilihat bahawa hubungan akrab antara dua negara di peringkat awal yang dimainkan oleh individu, menyumbang ke arah memupuk hubungan mesra antara kedua negara.

Biduk Berlalu Kiambang Bertaut

Hubungan mesra ini tidak dapat diteruskan kerana mulai 1963, hubungan Jakarta-Kuala Lumpur memasuki era permusuhan akibat konfrontasi yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno kerana membantah penubuhan negara Malaysia. Dengan berakhirnya konfrontasi dan termeterai perjanjian damai antara Kuala Lumpur dan Jakarta pada tahun 1966, maka hubungan kedua negara pulih dan memasuki satu era baru yang memperlihatkan semangat kerjasama dan persefahaman yang kuat. 'Biduk berlalu kiambang bertaut', itulah antara ungkapan yang sering dinyatakan untuk memberi gambaran mengenai rekonsiliasi dan pemulihan hubungan selepas tamat konfrontasi. Boleh dikatakan selepas itu secara sedar konsep "serumpun" dalam hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia mula disuburkan. Idea serumpun dimunculkan semula bagi memelihara hubungan baik kerana kita negara serumpun. Itulah yang dianjurkan oleh Tun Abdul Razak dan Presiden Soeharto dalam hubungan Indonesia-Malaysia. (Des Alwi 2009, xv). Hubungan Malaysia-Indonesia pasca-konfrontasi disifatkan sebagai permulaan 'zaman keemasan' dalam hubungan mereka. Pelbagai usaha kerjasama dilaksanakan, termasuklah dalam bidang politik, keselamatan, sosio-budaya dan pendidikan. Secara umumnya, masa dua dekad selepas tamat konfrontasi (1966-1980) merupakan tahap penting dalam pengukuhan hubungan Malaysia-Indonesia, tertutama dari segi merealisasikan konsep "keserumpunan" tersebut. Dilihat dari segi pemahaman di Malaysia, konsep ini berteraskan kepada persamaan budaya, bahasa, persaudaraan etnik dan perkongsian sejarah yang merapatkan mereka. Di Malaysia, oleh kerana orang Melayu keseluruhannya adalah beragama Islam, maka pengertian Melayu tidak dapat dipisahkan dari Islam. Ini berbeza daripada di Indonesia yang tidak mempunyai tanggapan sedemikian, di mana kebebasan beragama dan keragamannya adalah lebih

luas jika dibanding dengan Malaysia. Tetapi secara kebetulan, pemimpin-pemimpin politik besar di Indonesia, sama ada keturunan Jawa, Sumatera, Sulawesi dan lain-lain adalah beragama Islam. Jadi persamaan agama dalam konteks ini adalah satu faktor yang mempermudah, dan bukan faktor yang asas dalam konsep keserumpunan ini.

Pengukuhan Hubungan Sosiobudaya

Zaman keemasan dalam hubungan kedua negara dalam tempoh yang dinyatakan di atas, melahirkan hubungan persahabatan yang mendalam bukan sahaja di kalangan pemimpin, tetapi juga di kalangan rakyat. Ini direalisasikan melalui beberapa dasar dan projek yang memberi manfaat kepada rakyat dalam beberapa bidang tertentu. Paling berkesan dan nyata kepada umum ialah penghantaran para guru dari Indonesia untuk mengajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Ia selaras dengan dasar pemerintah Malaysia menjadikan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan IPT di seluruh negara. Mercu tanda penting dalam sejarah hubungan akademik Malaysia-Indonesia ialah persetujuan antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1972 mengenai Sistem Ejaan Baharu iaitu pelaksanaan sistem ejaan bersama Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Negara Brunei Darussalam menyertai sistem ejaan ini pada tahun 1985, dan dengan itu lahirlah Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang memupuk penggunaan ejaan bersama. Penggunaan ejaan bersama ini pada dasarnya masih diteruskan sehingga kini. Kerjasama pendidikan juga diperkukuhkan dengan program penghantaran para guru dari Indonesia ke Malaysia untuk mengajar di IPT seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) dalam pelbagai bidang ilmu. Selain daripada itu, sekolah-sekolah juga berusaha mendapatkan guru dari Indonesia untuk mengisi kekosongan guru terutama dalam bidang sains dan matematik. Kehadiran para guru dari Indonesia pada masa itu memberi sumbangan besar kearah mengukuhkan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar Ilmu di IPT Malaysia. Pada masa yang sama, program ini juga membantu memperkenalkan kepada masyarakat Malaysia hasil karya dari Indonesia melalui pembacaan novel-novel Indonesia sebagai buku teks di sekolah menengah di Malaysia, dan bahasa serta kesusasteraan Jawa yang turut diajarkan di UM. Walau bagaimana pun, tidaklah diketahui sejauh mana bahan bacaan dari Malaysia tersebar di Indonesia dalam rangka mengeratkan hubungan serumpun ini. Hubungan dalam bidang pendidikan juga bersifat dua hala dengan adanya usaha pemerintah Malaysia untuk menghantar pelajar-pelajar Malaysia ke Indonesia untuk belajar di IPT terkenal di Indonesia seperti di Universitas Indonesia (UI), Universitas Gajah Mada (UGM), Universitas Padjajaran (UNPAD), Institut Teknologi Bandung (ITB), Institut Pertanian Bogor (IPB) dan lain-lain.

Selain daripada itu, hubungan Malaysia dan Indonesia turut diperkukuhkan dalam bidang sosial dan budaya. Mantan Menteri Penerangan Malaysia, Tan Sri Mohamed Rahmat yang pernah menjadi Duta Malaysia ke Indonesia adalah antara pemimpin politik Malaysia yang banyak memberi sumbangan kepada “melicinkan hubungan dua negara serumpun ini” (Abu Bakar Hamid 2009, 30). Beliau mempelopori rancangan bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Televisyen Republik Indonesia (TVRI) yang popular pada masa itu. Usaha seperti ini memberi peluang kepada rakyat kedua negara mengenali antara satu sama lain, sekurang-kurangnya dalam bidang sosial dan budaya yang menjadi pemangkin kepada konsep serumpun yang disebutkan itu. Hari ini kerjasama penyiaran seperti ini masih ada, malah diperluaskan melalui kemasukan filem dan rancangan TV dari Indonesia yang semakin diminati di negara ini. Begitu juga tedapat program yang diusahakan di Malaysia mendapat sambutan besar di Indonesia, seperti rancangan ‘Upin dan Ipin’ yang begitu diminati oleh kanak-kanak di Indonesia. Dari segi penyebaran ilmu dan interaksi sosial dan budaya, dapatlah disimpulkan

bahawa kedua negara berada di tahap memberansangkan dalam jangka masa dua setengah dekad selepas tamat konfrontasi. Walau bagaimana pun perkembangan ini agak hambar selepas itu kerana beberapa halangan dan kekangan yang lahir dari perkembangan dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada hubungan dua negara ini. Kurangnya pemahaman kedua pihak mengenai pemahaman konsep 'serumpun' menjadi salah satu sebab 'keributan' dalam hubungan dua hala Malaysia-Indonesia yang memberi impak besar dalam hubungan politik dan diplomasi. Hari ini konsep serumpun dalam hubungan Malaysia -Indonesia merupakan perkara sensitif, kurang difahami, malah tidak memberi manfaat besar dalam mengukuhkan hubungan mereka. Politik identiti menyerlahkan perbezaan yang semakin besar di antara dua negara yang sebelum ini membangunkan hubungan akrab berlandaskan manfaat yang terkandung dalam idea keserumpunan.

Kerapuhan dalam Hubungan Malaysia-Indonesia

Salah satu faktor yang menyumbang kepada kerapuhan hubungan Malaysia dan Indonesia hari ini ialah kurangnya pengetahuan dan minat tentang sejarah dan perkembangan hubungan dua negara di kalangan masyarakat. Generasi yang sebelum ini lebih memahami perkembangan hubungan Malaysia -Indonesia serta bersifat 'mesra sejarah dan serumpun' semakin lenyap, tempat mereka diganti oleh generasi baru yang membesar dalam era politik kontemporari yang berbeza. Nasionalisme dan kepentingan politik kurang memberi ruang kepada isu- isu yang dibincang dengan terbuka dan berdasarkan fakta yang betul (Ruhanas Harun 2006, 49) . Salah satu contoh ialah konfrontasi yang berlaku pada tahun 1963-1966, yang kurang diketahui oleh masyarakat di kedua negara dan tidak dipelajari di sekolah di Malaysia mahupun di Indonesia. Ia hanya ditimbulkan apabila ada keperluan politik untuk diingat kembali peristiwa tersebut seperti dalam keruncingan hubungan Malaysia-Indonesia mengenai isu Ambalat pada tahun 2011. Perbezaan masyarakat dalam negara dan pembinaan negara bangsa merupakan faktor penting yang membentuk hubungan Malaysia-Indonesia dalam era pasca-konfrontasi. Membina sebuah negara-bangsa mengambil masa yang lama dan melalui pelbagai liku untuk sampai ke destinasi, sementara destinasi dan *destiny* itu banyak ditentukan oleh kuasa politik. Pembinaan negara-bangsa dan jatidiri terhasil daripada cita-cita, wawasan dan dasar-dasar konkrit yang dilaksanakan oleh pemerintah. Jatidiri boleh dianggap sebagai roh kepada negara, sementara pembangunan ekonomi dan sosial memberi kekuatan kepada jasadnya. Proses pembinaan negara-bangsa dan pembentukan jatidiri berbeza dari satu negara ke negara lain, biarpun terdapat persamaan dan perkongsian dari segi budaya, bangsa dan sejarah yang pernah menyatukan mereka pada masa lalu.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk hasil dari pemerintahan kolonial British yang banyak mencorak dan membentuk politik, masyarakat dan ekonomi negara ini. Setakat ini Malaysia berjaya menyatukan masyarakatnya yang majmuk, dan melakukan transformasi politik dan sosial bagi mengurangkan perbezaan yang menjadi halangan kepada proses penyatuan dan integrasi. Melalui proses ini, muncul kesedaran di kalangan rakyat bahawa Malaysia mempunyai masa depan dan identitinya sendiri, di samping melahirkan rasa bangga dengan kemajuan politik, ekonomi dan sosial yang dicapai oleh negara. Ia sekaligus menangkis pendapat yang mengatakan negara Malaysia tidak akan bertahan kerana kontradiksi dalaman yang besar, di mana salah satunya ialah kewujudan masyarakat majmuk. Secara tidak langsung juga proses pembinaan dan pengukuhan negara-bangsa di Malaysia menguatkan lagi perbezaan dengan Indonesia. Konsep 'serumpun' yang sebelum ini difahami di kalangan masyarakat Melayu khususnya, dan Malaysia amnya

kini mulai dipersoalkan. Idea serumpun masih diterima di kalangan sesetengah masyarakat Melayu (Bumiputera atau Peribumi), dan mungkin juga sebahagian daripada masyarakat Malaysia lainnya. Namun penerimaan konsep ini di Malaysia dan di Indonesia ternyata semakin pudar. Di Indonesia pula, idea serumpun yang berdasarkan kepada ‘rumpun Melayu’ sukar difahami dan tidak dapat diterima oleh bangsa Indonesia atas sebab-sebab tertentu. Jadi nyatalah bahawa menjadikan ‘keserumpunan’ sebagai juadah dalam hubungan Malaysia-Indonesia adalah tidak praktamis dan seolah-olah tidak prihatin kepada perubahan dalaman dan kepentingan nasional masing-masing. Namun hakikat bahawa kedua negara mempunyai pertalian rapat dari segi sejarah, sosiobudaya, etnik dan geografi bukan sahaja tidak dapat dinafikan, malah tidak perlu dibuang kerana ia masih berguna untuk membina hubungan yang rapat antara kedua negara, sehingga boleh menjadikannya satu hubungan istimewa.

Pertalian yang sedia terjalin sekian lama boleh memberi sumbangan kepada usaha mendekatkan masyarakat Malaysia dan Indonesia. Maka amat merugikan jika ia tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kedua-dua pihak. Jika tidak diuruskan dengan baik, lama kelamaan, persamaan bahasa yang awalnya dapat dimanfaatkan bagi merapatkan hubungan dua ‘negara serumpun’ ini akhirnya akan menjadi semakin renggang, malah boleh terhapus. Menurut penganalisis politik Indonesia, “pada awalnya kita menekankan kesamaan ras dan bahasa. Namun, 20 tahun setelah normalisasi hubungan kedua negara, hal-hal ini terlupakan.” Tambahnya lagi, “sekarang zaman sudah banyak berubah : ternyata kita sangat berbeda dalam berbagai hal.” (Jusuf Wanandi 2014, 171). Kewujudan bahasa bersama sepatutnya membantu memperluaskan kegiatan ilmiah dan budaya antara dua masyarakat tersebut, di samping membantu memperkasa Bahasa Melayu di Malaysia. Dari segi ekonomi pula, bertambahnya pembaca dan penutur dalam bahasa Melayu-Indonesia akan meluaskan industri percetakan dan penulisan dalam bahasa tersebut. Selain daripada itu, persamaan bahasa dan budaya boleh dimanfaatkan oleh Malaysia dan Indonesia dalam menjalin tali saliturrhahim dan kemesraan antara rakyat dan pemimpin kedua negara. Malah, menjangkau lebih luas, Bahasa Melayu-Indonesia juga boleh diperkenalkan sebagai bahasa serantau Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) kerana bahasa tersebut juga dipertuturkan di negara-negara ASEAN seperti Brunei Darussalam, Singapura dan di Selatan Thailand.

Isu-isu yang Mencabar Hubungan Dua Hala

Hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia dibina sejak lama dan mempunyai interaksi di pelbagai lapisan, negara dan masyarakat, kerana *both countries draw on their common culture, religion and language in managing political tensions* (Clark and Pietsch 2014, 27). Sebenarnya kerenggan dalam hubungan mereka sudah lama berlaku, walaupun ia tidak mencetuskan konflik terbuka antara mereka. Ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri dan Suharto menjadi presiden, hubungan Indonesia Malaysia memang menjadi baik, tetapi tidak begitu mesra (Jusuf Wanandi 2014, 171). Perubahan yang berlaku di kedua-dua negara semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia dan Presiden Suharto di Indonesia menimbulkan banyak isu yang menggoyah hubungan dua negara ini. Walau bagaimanapun, ia tidak mengakibatkan konflik secara terbuka. Sejak tahun 1980-an, terdapat pelbagai isu dalam hubungan Malaysia-Indonesia, ada yang remeh, ada pula yang serius yang perlu diberi perhatian oleh pemerintah. Isu-isu tersebut merangkumi isu ekonomi, sosio-budaya, politik, keselamatan dan kedaulatan yang lahir dari perubahan politik dalaman dan persekitaran politik dan strategik serantau dan antarabangsa. Di Malaysia, perubahan ekonomi dan politik menjadi lebih ketara setelah Dr Mahathir Mohamad mengambil alih pucuk pemerintahan sebagai Perdana Menteri. Penguatan yang sama juga berlaku dari segi dasar luar Malaysia yang berjaya memberikan kepada Malaysia peranan dan kedudukan

yagn dihormati dalam hubungan serantau dan antarabangsa. Keadaan ini bukan sahaja melonjak Malaysia ke aras yang sama dengan Indonesia dari segi kedudukan antarabangsa, malah ia mungkin mencabar kedudukan dan peranan Indonesia sebagai negara ulung dan besar di rantau ini. Pembangunan dan kemajuan ekonomi Malaysia selepas 1980-an membuka peluang kepada rakyat Indonesia untuk mencari rezeki di negara ini. Kedatangan tenaga kerja Indonesia (TKI) ke Malaysia bukan sahaja memberi sumbangan besar dalam menjayakan pembangunan ekonomi Malaysia, tetapi juga membantu memperluas dan mengukuhkan hubungan rakyat di kedua buah negara. Namun di sebalik perkembangan positif ini, kebanjiran rakyat Indonesia ke Malaysia juga menimbulkan beberapa perkara yang kurang disenangi, sehingga menjadi duri dalam daging kepada dinamika hubungan Malaysia-Indonesia sedia ada. Antaranya adalah isu layanan pembantu rumah Indonesia di Malaysia, masalah keselamatan dalam negeri yang terkait dengan kehadiran TKI, dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) yang majoritinya dari Indonesia, jelas menunjukkan penyalahgunaan permit masuk atau ketiadaan dokumen perjalanan ke Malaysia secara sah. Hal ini menimbulkan ketegangan atau 'keadaan ribut dalam cawan' bagi kebanyakan pemimpin dan rakyat di Malaysia dan Indonesia. Masalah isu yang sepatutnya diselesaikan oleh pihak berwajib telah dipolitikkan oleh banyak pihak, terutamanya oleh media, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta organisasi masyarakat lain, khususnya di Indonesia. Tidak dapat dinafikan bahawa media Indonesia memainkan peranan yang begitu signifikan dalam mengeruhkan hubungan dua hala memandangkan laporan dan analisis media mereka kurang objektif dan bersifat sensasi, sehingga mengeruhkan hubungan kedua negara (Ruhanas Harun 2009). Malaysia perlu menjaga kedaulatan dan keutuhan wilayahnya serta kebajikan masyarakatnya daripada dicerobohi dan diancam oleh unsur-unsur yang tidak diingini. Pada 1990-an terdapat banyak laporan mengenai jenayah berat yang dilakukan oleh orang Indonesia di Malaysia sehingga menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat setempat. Ini tidak bermakna semua atau sebahagian besar orang Indonesia yang datang ke Malaysia melakukan jenayah. Cuma, apabila segelintir daripada rakyat mereka yang melakukannya telah menimbulkan ketakutan dan persepsi negatif masyarakat awam di Malaysia terhadap TKI Indonesia, seperti kata pepatah, 'seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit'.

Selain daripada isu pembantu rumah, timbul juga tuduhan oleh kumpulan tertentu di Indonesia bahawa Malaysia 'mencuri' warisan budaya mereka. *Cultural claim conflict between Indonesia and Malaysia have been widely discussed in Indonesian and Malaysian mass media* (Yaputra dan Mulyana 2020, 17). Ini menjadi isu yang mengeruhkan hubungan dua hala Malaysia-Indonesia dalam sesetengah keadaan. Apa yang perlu diperjelaskan adalah, dalam konteks keserumpunan dan faktor sejarah yang panjang, pertindihan budaya dan warisan di antara pelbagai suku kaum di Indonesia dan orang Melayu di Malaysia adalah tidak dapat dielakkan. Jadi apabila berlakunya isu "klaim-mengklaim", hal ini telah menimbulkan tanda tanya atau menunjukkan kekeliruan kefahaman kebanyakan rakyat Malaysia dan Indonesia kontemporari dengan konsep serumpun yang sering disebutkan atau mahu dipromosikan oleh para pemimpin untuk menegaskan keperluan hubungan dua hala harmonis antara Malaysia-Indonesia. Walau pun pemerintah kedua negara tidak terlibat dalam isu tuduh menuduh ini, kekeliruan kefahaman dan kurangnya sensitiviti di kalangan rakyat, pasti menimbulkan rasa tidak senang hati. Lebih menyedihkan, salah faham ini akan menjadi 'peluru' kepada mereka yang mahu menolak konsep 'serumpun', sedangkan konsep tersebut berupaya menjadi pemangkin hubungan dua negara dan diplomasi antara rakyat dengan rakyat (*people-to people diplomacy*). Jika isu ini tidak diperjelaskan dengan baik dan dibiarkan begitu sahaja, masalah ini akan menjadikan konsep serumpun itu sebagai satu dongeng dan bahan jenaka sekelompok orang yang berpendirian bahawa konsep ini sebenarnya tidak wujud atau tidak relevan dalam hubungan antarabangsa serantau. Jadi sejauhmana

dan bagaimanakah konsep ini boleh dimanfaatkan dalam mengukuhkan hubungan dua hala?

Mengukuhkan Hubungan Dua Negara Bersaudara

Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, hubungan diplomatik dua buah negara tetap kukuh dan mempunyai akar umbi yang begitu mendalam. Mengikut Anies Baswedan, hubungan Malaysia-Indonesia lebih utama berbanding masalah berbangkit antara kedua-dua negara (Baswedan 2023). Hal ini menjadikan hubungan tersebut bersifat saling menguntungkan dan ditempatkan secara utama pada aspek budaya (Darynaufal Mulyaman 2022). Kesedaran ini penting pada masa kini apabila kedua-dua negara melalui persekitaran antarabangsa yang mencabar dari banyak segi. Hubungan yang harmonis antara mereka akan memanfaatkan kerjasama berdasarkan keserumpunan dan bukannya semata-mata persaingan. Kemunculan semula Indonesia di arena antarabangsa secara tidak lansung 'bertembung' dengan kedudukan Malaysia yang berjaya meletakkan dirinya sebagai negara yang dihormati di peringkat global, khususnya sewaktu pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dan menunjukkan partisipasi aktif di kalangan negara membangun dan dunia Islam. Walaupun persaingan ini tidak mencetuskan konflik terbuka antara Malaysia dan Indonesia, hubungan tersebut menambah kepada persoalan dan kesangsian mengenai cita-cita dan tujuan politik satu sama lain dalam konteks persekitaran politik, ekonomi dan keselamatan rantau yang semakin mencabar dan tidak menentu. Pendemokrasian, perkembangan politik dan ekonomi di Indonesia mengukuhkan persepsi dan kedudukan Indonesia sebagai sebuah negara besar serantau. Hal ini memberikan Indonesia nilai strategik yang tinggi dan penting dalam berhadapan dengan persaingan agresif kuasa-kuasa besar di rantau Asia Tenggara. Ini dengan sendirinya memberikan Indonesia kelebihan geopolitik yang sukar ditanding oleh Malaysia dalam beberapa perkara. Maka di sinilah, hubungan persaudaraan atau 'serumpun' antara kedua negara boleh menjadi benteng kepada konflik yang berpotensi mengakibatkan persaingan tidak sihat dan mungkin tidak dapat dielakkan dalam politik antarabangsa.

Bagaimanakah keserumpunan ini boleh dijadikan salah satu landasan bagi kedua negara berjiran ini menyelesaikan permasalahan yang mungkin timbul antara mereka? Sejarah telah menunjukkan ini boleh berlaku, iaitu dalam menyelesaikan konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966. Menteri Luar Indonesia Adam Malik, ketika merundingkan penyelesaian tersebut menyatakan hal adalah kemenangan pada bangsa Melayu, rumpun bangsa terbesar di Asia Tenggara, yang juga bangsa Indonesia dan Malaysia termasuk di dalamnya (Linda Sunarti 2014, 309). Salah satu takrifan yang diberikan kepada pernyataan ini ialah memperkuatkan bukti bahawa penyelesaian konfrontasi Indonesia-Malaysia boleh dilakukan dengan cepat bukan dengan menggunakan cara-cara lazim atau umumnya dipakai dalam kaedah penyelesaian konflik antarabangsa (Linda Sunarti 2014, 310). Memang tidak dinafikan ada faktor lain yang membantu kearah penyelesaian tersebut, tetapi wajar diingat bahawa konsep serumpun ini boleh memainkan peranan besar dalam menyelesaikan masalah dan konflik antara Malaysia dan Indonesia. Keserumpunan merupakan konsep yang tetap penting dan berguna dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Konsep tersebut boleh digunakan sebagai suatu mekanisme dalam mendorong kearah dialog yang bermanfaat dan membantu menyelesaikan isu-isu secara baik, yakni dengan mengangkat kembali semangat persaudaraan serumpun (Linda Sunarti 2014, 315). Landasan serumpun ini boleh mengurangkan kesan pemikiran Realisme yang menyatakan hubungan antarabangsa hanya disandarkan kepada persoalan kuasa politik, sama ada sebagai matlamat akhir atau pun satu cara kelangsungan hidup. Ini juga memberi ruang untuk menilai semula satu

pemahaman yang menyatakan dalam dasar luar, tidak ada rakan atau musuh yang berkekalan. Ini kerana yang kekal hanyalah kepentingan nasional. Ini bermakna, semangat serumpun boleh diteroka untuk menangkis persepsi Realisme bahawa hubungan antara dua buah negara terhadap kepada soal kebendaan dan bukan nilai perkongsian yang lebih mendalam dan melibatkan semangat, identiti, nilai sejarah dan perkongsiaan bersama antara Malaysia dan Indonesia. Jelaslah, bahawa konsep keserumpunan boleh digunakan bagi mengimbangi kerakusan kuasa dengan semangat kemanusiaan dan kejiranan sehingga menatijahkan suatu situasi menang-menang dalam mengurus hubungan dua hala Indonesia-Malaysia.

Kesimpulan

Hubungan dua hala Malaysia-Indonesia boleh dicirikan sebagai hubungan yang begitu unik, istimewa dan mempunyai potensi untuk diteruskan walaupun hakikat semasa bertambah kompleks dan mencabar. Hakikat pandangan semesta konsep 'serumpun' yang istimewa ini sudah pun wujud sebelum kedua buah negara mencapai kemerdekaan, walaupun konsep ini tidak dizahirkan secara formal dalam hubungan diplomatik dua negara. Setelah berakhirnya konfrontasi (1966), ungkapan yang sering didengar pada masa itu ialah 'biduk berlalu kiambang bertaut', memperlihatkan antara lain, bahawa dua negara ini sukar dipisahkan sekalipun berlaku perpecahan dan perselisihan, mereka akan tetap kembali bersama selepas itu. Sejak itu, bermula suatu era baru dalam hubungan dua hala yang lebih baik dan mesra sehingga memanfaatkan unsur-unsur keserumpunan bagi mengukuhkan hubungan diplomatik tersebut. Bagaimana pun, mulai tahun 1980an, kedua negara melalui perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang melahirkan pelbagai isu dalam hubungan mereka. Konsep keserumpunan wajar ditonjolkan sebagai satu faktor yang perlu diteruskan dalam hubungan mereka, terutama bagi memanfaatkan kerjasama dua hala. Terpulang kepada pemerintah kedua negara untuk mendorong kerjasama dalam bidang-bidang yang sekaligus berupaya memperluaskan kefahaman positif dan bermanfaat konsep serumpun di peringkat diplomasi rakyat di kedua-kedua buah negara.

Penghargaan dan Pengisytiharan

Penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (*anonymous reviewers*) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Rujukan

- Ab Ghani, Rohani and Paidi, Zulhilmi (2010) Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun. Dalam *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010): Political Managements and Policies in Malaysia*, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 223-246. ISBN 978-983-44865-3-2
- Acharya, Arabinda. 2024. "Nationalism, Ethnicity and Regional Conflict in Twenty-First Century Southeast Asia." dalam *The Routledge Handbook of Nationalism in East and Southeast Asia*, disunting oleh Lu Zhouxiang, 388-403. London: Routledge.

- Ali, Muhamad. 2016. *Islam and Colonialism: Becoming Modern in Indonesia and Malaya*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Aman, Musa. September 27, 2014. "Hubungan Erat Malaysia-Indonesia Perlu Terus Diperkukuhkan." *Berita Harian*. Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/09/8336/hubungan-erat-malaysia-indonesia-perlu-terus-diperkukuhkan-musa>
- Andaya, Barbara Watson. & Leonard Y. Andaya. 2018. *A History of Malaysia* (3rd edition). New York: Palgrave Macmillan
- Balakrishnan, K. S. 2009. "International Relations in Malaysia: Theories, History, Memory, Perception, and Context." *International Relations of the Asia-Pacific* 9, no. 1: 107-130.
- Berita Harian*. Oktober 12, 2023. "Malaysia, Indonesia Sepakat Aktifkan Pos Bersama di Sempadan." *Berita Harian*. Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164161/malaysia-indonesia-sepakat-aktifkan-pos-bersama-di-sempadan#:~:text=JAKARTA%3A%20Pos%20bersama%20kendalian%20Angkatan,dihentikan%20susulan%20pandemik%20COVID%2D19>.
- Chan, Ho Ying. 2018. *Special Relationship in the Malay World: Indonesia and Malaysia*. Singapore: Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Chong, Jin Winn. 2012. "Mine, Yours or Ours? The Indonesia-Malaysia Disputes over Shared Cultural Heritage." *SOJURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 27, no. 1: 1-53.
- Clark, Marshall, and Juliet Pietsch. 2014. *Indonesia-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*. London: Routledge.
- Harun, Ruhanas. 2006. "Konflik dan Kerjasama dalam Hubungan Malaysia-Indonesia." dalam *Malaysia's Foreign Relations Issues and Challenges*, disunting oleh Ruhanas Harun, 49-74. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Harun, Ruhanas. September 22, 2010. "Mitos Bangsa Serumpun Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia." *Berita Harian*. Kuala Lumpur.
- Hermono, Bapak. Jun 21, 2023. "Ketidakharmonian Rakyat Malaysia-Indonesia Jejas Hubungan Kedua-dua Negara." *Berita Harian*. Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117144/ketidakharmonian-rakyat-malaysia-indonesia-jejas-hubungan-kedua-dua>
- Heryanto, Ariel. 2018. "Popular Culture and Identity Politics." dalam *The Routledge Handbook of Contemporary Indonesia*, disunting oleh Robert W. Hefner, 357-368. London: Routledge.
- Hussain, Rajmah. 2010. *Malaysia at the United Nations: A Study of Foreign Policy Priorities, 1957-1987* (2th edition) Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Idris, Rohaniza. Mei 8, 2023. "Indonesia-Malaysia Saudara Serumpun." *Berita Harian*.

- Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1098360/indonesia-malaysia-saudara-serumpun-jokowi>
- Johan, Adil. 2023. "Crossing Borders and Crossing the Line: Nusantara Mobilities of Search and the Malay Roch Phenomenon, 1980s and 1990s." *Indonesia and the Malay World* (Latest Article): <https://doi.org/10.1080/13639811.2023.2257468>
- Liow, Joseph Chingyong. 2004. *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin Two Nations*. London: Routledge.
- Mahmud, Nik Anuar. 2000. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Md Khalid, Khadijah. and Shakila Yacob. 2012. "Managing Malaysia-Indonesia Relations in the Context of Democratization: The Emergence of Non-State Actors." *International Relations of the Asia-Pacific* 12, no. 3: 355-387.
- Muniandy, Kunaselan. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia, 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Nasadurai, Helen. 2014. "The Political Economy of Southeast Asia's Foreign Economic Policies and Relations." dalam *The Oxford Handbook of International Relations of Asia*, disunting oleh Saadia M. Pekkanen, John Ravenhill dan Rosemary Foot, 217-240. Oxford: Oxford University Press.
- Othman, Mohamad Redzuan. 2009. *Setengah Abad Hubungan Malaysia-Indonesia*. Kuala Lumpur: Arah Publication.
- Othman, Mohammad Redzuan., Mohd Sidin Ahmad Ishak, Mardiana Nordin, dan Abu Hanifah Haris. (Eds.) 2013. *Malaysia-Indonesia: Romantika Hubungan Bangsa Serumpun*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roberts, Christopher B. and Leonard Sabastian. 2015. "Ascending Indonesia: Significance and Conceptual Foundations" Dalam *Indonesia's Ascent: Power, Leadership and the Regional Order*, disunting oleh Christopher B. Roberts, Ahmad D. Habir, dan Leonard Sebastian, 1-21. New York: Palgrave Macmillan.
- Rush, James R. 2018. *Southeast Asia: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Sebastian, Leonard C. 2006. "Domestic Security Priorities, "Balance of Interests" and Indonesia's Management of Regional Order." dalam *Order and Security in Southeast Asia: Essays in Memory of Michael Leifer*, disunting oleh Joseph Chingyong Liow dan Ralf Emmers, 175-195. London: Routledge.
- Seng, Teo Kok. Ogos 20, 2015. "Istilah Serumpun, Etnik Perkukuh Integrasi Nasional." *Berita Harian*. Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/76010/istilah-serumpun-etnik-perkukuh-integrasi-nasional>
- Shekhar, Vibhanshu. 2017. *Indonesia's Foreign Policy and Grand Strategy in the 21st Century: Rise of an Indo-Pacific*. New York: Palgrave Macmillan

- Siddique, Sharon. and Leo Suryadinata. 1981. "Bumiputra and Peribumi: Economic Nationalism (Indiginism) in Malaysia and Indonesia." *Pacific Affairs* 54, no. 4: 662-687.
- Singh, Inderjit. 2011. "The Symbiotic Bilateral Relationship Between Malaysia and Indonesia: An Analytical Perspective on Issues and Remedy for The Way Forward." *Journal of Defence and Security* 2, no. 2: 252-264.
- Sudirman, Adi. 2014. *Sejarah Lengkap Indonesia*. Jogjakarta: Divapress.
- Sukma, Rizal. 1995. "The Evolution of Indonesia's Foreign Policy: An Indonesian View." *Asian Survey* 35, no. 3: 304-315.
- Sunarti, Linda. 2014. *Persaudaraan Sepanjang Hayat? Mencari Jalan Penyelesaian Damai Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966*. Jakarta: Penerbit SAM.
- Suwirta, Andi. September 26, 2023. "Rakyat Indonesia Nobatkan Anwar 'Sukarno Besar' di Pentas UNGA." *Berita Harian*. Diakses pada December 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/09/1157282/rakyat-indonesia-nobatkan-anwar-sukarno-besar-di-pentas-unga>
- Taylor, Jean Gelman. 2003. *Indonesia: People and Histories*. New Haven: Yale University Press.
- Turnbull, C. M. 2006. "Regionalism and Nationalism." dalam *Cambridge History of Southeast Asia, Volume 2: The Nineteenth and Twentieth Centuries*, disunting oleh Nicholas Tarling, 585-630. Cambridge: Cambridge University Press.
- Umar, Musni., and Pudentia. 2010. *Membangkitkan Memori Kolektif Kesejahteraan Indonesia -Malaysia*. Jakarta: INSED.
- Wahida, Adam., and Muhammad Hendra Himawan. 2022. "Batik in Malaysia and Indonesia: A Collaboration for Reconciling Issues of Cultural Heritage." *International Journal of Education through Art* 18, no. 1: 89-103.
- Wanandi, Jusuf. 2014. *Menyibuk Tabir Orde Baru: Memoar Politik Indonesia 1965-1998*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas
- Warbuton, Eve. 2019. "A New Developmentalism in Indonesia?" Dalam *The Indonesia Economy in Transition: Policy Challenges in the Jokowi Era and Beyond*, disunting oleh Hall Hill dan Siwage Dharma Negara, 34-56. Singapore: Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Weatherbee, Donald E. 2013. *Indonesia in ASEAN: Vision and Reality*. Singapore: Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Yaputra, Albert., and Deddy. Mulyana. 2020. "The Contestation of Cultural Claims in Online Media Between Malaysia and Indonesia." *Journal Studi Komunikasi* 4, no. 2: 344-356.